



# MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

## TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD

**DATUK BANDAR  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

## SEMPENA

MAJLIS SAMBUTAN HARI BANDARAYA  
2020

## OLEH

YANG AMAT BERHORMAT TUAN CHOW KON YEOW

**KETUA MENTERI PULAU PINANG**

## TARIKH / MASA / TEMPAT

**19 SEPTEMBER 2020 (SABTU)  
9.30 PAGI**

**RUANG LEGAR, MENARA BANDAR RAYA  
BANDAR PERDA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

**Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow**  
Ketua Menteri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Dato' Law Choo Kiang**  
Yang Di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Dato' Ir. Hj. Ahmad Zakiyuddin Bin Abdul Rahman**  
Timbalan Ketua Menteri 1

**Yang Berhormat Prof. Dr Ramasamy a/l Palanisamy**  
Timbalan Ketua Menteri 2

**YB Dato' Abdul Razak Bin Jaafar**  
Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

**Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh**  
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang  
Merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan  
Perancangan Bandar & Desa

**Yang Berhormat Ahli-Ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang**

**Yang Berhormat Ahli-Ahli Parlimen Negeri Pulau Pinang**

**Yang Berhormat ADUN-ADUN Negeri Pulau Pinang**

**Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Yang Berusaha Puan Nur'Aishah bt Md Norodin**  
Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Kerajaan Tempatan

**Yang Berusaha Ir Hajah Rosnani Binti Mahmud**  
Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Ketua-Ketua Jabatan**  
Kakitangan Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Rakan - rakan Media**

**Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurnianya dapat juga kita berkumpul pada pagi yang bersejarah ini bersempena Majlis Sambutan Hari Bandaraya yang pertama kali setelah setahun kita memikul amanah dan tanggungjawab ini. Saya selaku Datuk Bandar Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mewakili seluruh warga kerja MBSP ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada YAB Ketua Menteri, dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ahli-ahli Majlis, Ketua-Ketua Jabatan, rakan-rakan media dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan Majlis sambutan setahun bandaraya pada hari ini. Terima kasih kepada semua wira oren dan seluruh kakitangan MBSP atas keringat dan sokongan yang tidak pernah putus terhadap MBSP. Buat warga Seberang Perai yang sentiasa bersama MBSP, saya ucapkan terima kasih, xie xie , nandri, thank you kerana mematuhi SOP Covid19 dan memastikan Seberang Perai sentiasa berada di tahap 99% pematuhan.

Sama-samalah kita mendisiplinkan diri menjaga penjarakan sosial, memakai pelitup muka dan sanitizer. #PenangLawanCovid19 #kitajagakita.

**Yang Amat Berhormat, YB Dato', YB Ahli Parlimen, YB ADUN, YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Pada awal tahun 2020, MBSP telah melancarkan Seberang Perai Climate Action Strategy, sebuah dokumen yang menggariskan komitmen dalam memerangi perubahan iklim dan menghadkan pemanasan global pada suhu 1.5 darjah celcius menjelang tahun 2030. Salah satu sektor penting yang dikenalpasti ialah *Waste* dan *Circular Economy*.

Perubahan daripada Linear Model kepada Circular Model adalah satu kemestian dan tindakan pro aktif. Jika pola penghasilan sampah tidak dibendung, Seberang Perai akan berdepan dengan krisis baharu alam sekitar pada tahun 2030 dimana penghasilan sampah dijangka mencapai sekitar 1.86 juta tan setahun berbanding 1.14 juta tan setahun pada tahun 2019. Tapak Pelupusan Pulau Burung akan menjadi tepu dan memerlukan tapak pelupusan baru. Kos pengurusan sisa akan meningkat 100% malahan mungkin tidak mampu ditampung dari hasil cukai yang dipungut.

Justeru pada hari ini 19 September 2020, saya memohon YAB Ketua Menteri, Tuan Chow Kon Yeow disaksikan oleh YB Tuan Jagdeep Seng

Deo dan semua yang hadir serta natizen yang menyaksikan acara ini secara langsung, untuk melancarkan *Seberang Perai Circular Economy Roadmap*. Road Map ini menjadi panduan dalam memastikan pola penghasilan dan penggunaan (*Production and Consumption Pattern*) di Seberang Perai dapat diubah daripada Linear Model kepada Circular Model.

Linear Model menggunakan bahan mentah yang dijadikan sebagai produk dan seterusnya dilupuskan apabila selesai digunakan. Linear Model mengamalkan prinsip “*take-make-use-dispose*” dimana akhirnya akan memberikan tekanan kepada pelupusan akhir (*end disposal*). Selain itu, Linear Model juga menggunakan bahan mentah secara tidak terhad dimana akhirnya akan berlakunya kekurangan sumber dan mengakibatkan peningkatan pada kos barangan yang dijual.

*Circular Model* berpaksikan penggunaan semula produk dan bahan mentah serta mencegah pembaziran dan pelepasan yang merbahaya pada tanah, air dan udara. Dalam erti kata mudah, *Circular Model* menumpukan untuk *Closing the Loop* dan meningkatkan kecekapan penggunaan sumber (*Resource efficient*) dalam memaksimumkan penghasilan produk.

**Yang Amat Berhormat, YB Dato', YB Ahli Parlimen, YB ADUN, YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

*Seberang Perai Circular Economy Roadmap* ini mempunyai lapan (8) Bidang Keberhasilan Utama atau KRA iaitu :

- i. Tapak Pelupusan
- ii. Industri Kitar Semula
- iii. Sisa Makanan
- iv. Plastik sekali guna
- v. Sisa Binaan
- vi. Sisa Elektronik
- vii. Tenaga boleh Diperbaharui
- viii. Pengurusan Air dan Air Kumbahan

Setiap Bidang Keberhasilan utama ini telah ditetapkan KPI yang perlu dicapai mengikut tahun. Pada Tahun 2022, disasarkan 70% kadar kitar semula, 5% penggunaan Tenaga boleh diperbaharui, mewujudkan pusat pemprosesan sisa binaan dan mewujudkan Dasar *Extended Producer Responsibility (EPR)* di Seberang Perai.

Pada tahun 2025 pula disasarkan 75% kadar kitar semula, 50% pelencongan sisa makanan, 40% pengurangan kebergantungan kepada tapak pelupusan, 20% penggunaan tenaga boleh diperbaharui dan pelaksanaan Dasar Extended Producer Responsibility (EPR) di Seberang Perai.

Manakala pada tahun 2030 pula, disasarkan 80% kadar kitar semula, 90% pelencongan sisa makanan, 30% Penggunaan tenaga boleh diperbaharui, mewujudkan system waste to energy dan mencapai status Bandaraya Sisa Sifar (Zero Waste City).

*Seberang Perai Circular Economy Roadmap* yang dilancarkan pada hari ini akan bertindak sebagai Kerangka Dasar bagi tempoh sepuluh (10) tahun akan datang dalam bidang Pengurusan Sisa Pepejal. Oleh yang demikian, *Seberang Perai Circular Economy Roadmap* kini dibuka untuk tatapan seluruh warga Seberang Perai. MBSP akan mengadakan program konsultasi bersama semua pihak berkepentingan bagi mendapatkan input dalam menghasilkan Pelan Tindakan yang dijangka akan dilancarkan pada Januari 2021.

**Yang Amat Berhormat, YB Dato', YB Ahli Parlimen, YB ADUN, YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Sepanjang setahun bandaraya, bermula 16 September 2019 hingga 19 September 2020, MBSP melakukan Business Process Reengineering untuk menyisih prosidur yang lapok, memendekkan proses kerja untuk mengukuhkan kedudukan kewangan, merancakkan ekonomi Bandar, meningkatkan kualiti kehidupan penduduk Seberang Perai.

MBSP juga telah mengambil langkah prihatin rakyat, agar ekonomi Seberang Perai bangkit semula dari kesan pandemik covid19 secepat mungkin. Di antaranya:

- i. Mengeluarkan lesen serta merta setelah menerima permohonan lengkap bagi permohonan lesen premis dan iklan (Tidak berisiko), lesen penjaja dan lesen veterinar.
- ii. MBSP telah mengenalpasti 25 lokasi penjajaan baru tepi jalan yang boleh dimanfaatkan oleh 1,000 peniaga gulungan B40. 826 lesen penjaja telah dikeluarkan, semasa Pendamic Covid19 iaitu semenjak 18 Mac 2020. Peningkatan 54.97% dari tahun 2019, dimana 533 lesen penjaja telah dikeluarkan.



- iii. Menghapuskan karenah birokrasi dengan mengeluarkan lesen bertempoh kepada premis perniagaan dan industri yang sedang beroperasi dan tertakluk kepada syarat-syarat teknikal tertentu serta dikenakan kadar bayaran dua kali ganda daripada kadar asal. 339 industri mendapat manfaat dari program ini.
  
- iv. Membuat Promosi cukai Taksiran Penggal Kedua 2020 khas bagi pembayaran secara online, melalui agensi kutipan dan kiosk paylink serta hadiah cabutan bertuah adalah berupa tunai. MBSP merasakan bahawa hadiah berupa tunai lebih diperlukan di ketika situasi sekarang ini. Hadiah yang akan diberikan sangat lumayan dimana tempat pertama ialah wang tunai RM7000, kedua RM5000, ke tiga RM3000, ke empat RM2000 dan ke lima RM1000.

Dalam sektor pembinaan, MBSP telah menyediakan enam(6) pakej rangsangan untuk membantu sektor pembinaan khususnya pembinaan perumahan mampu milik, bangun semula selepas terkesan Pendamic Covid19, iaitu

- i. Menyediakan Garis Panduan penyediaan 40% rumah kos sederhana rendah yang sesuai dibina di lima(5) kawasan yang mempunyai nilai

tanah tinggi iaitu Batu Kawan, Butterworth, Bukit Mertajam, Perai dan Nibong Tebal.

- ii. Melaksanakan keputusan Kerajaan Negeri, memberi 10% diskaun harga siling rumah mampu milik iaitu RM135,000 hingga RM225,000 seunit berbanding dengan harga sebelumnya RM150,000 hingga RM200,000 seunit. Harga diskaun hanya berkuatkuasa bagi tempoh satu tahun.
- iii. Memberi 20% diskaun bagi bayaran sumbangan yang berada dibawah kawalan MBSP seperti sumbangan bagi menggantikan penyediaan tempat letak kereta, penyediaan gerai dll. Tawaran ini hanya berkuatkuasa sehingga 31 Disember 2020 sahaja.
- iv. Memberi kebenaran mula kerja(COW) bangunan sebelum Plan Bangunan diluluskan dengan syarat, PKM, Plan kerja tanah telah diluluskan dan Permononan Plan Bangunan telah dikemukakan.
- v. Membuat keputusan Permohonan Kebenaran Merancang dalam tempoh 71 hari berbanding 108 hari sebelum ini.
- vi. Mengeluarkan C1 atau Kebenaran Merancang serta merta selepas keputusan OSC dibuat bagi lima(5) jenis pembangunan iaitu

Rekabentuk Pembangunan yang menggunakan 15% tenaga yang boleh diperbaharui (RE), kilang sesebuah atau berkembar dalam kawasan industri, budget hotel, rumah kediaman sesebuah dan tempat mencuci kereta secara manual.

**Yang Amat berhormat, YB Dato', YB Ahli Parlimen, YB ADUN, YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Selain itu, MBSP sentiasa mengambil berat dan memandang serius akan isu-isu yang berkaitan dengan perbandaran. Kebelakangan ini, terdapat banyak aduan dan rungutan tentang pencemaran Sungai Kereh. MBSP telah mengambil langkah pro aktif dengan meningkatkan penguatkuasaan. 43 ladang daripada 74 ladang ternakan babi di Kampong Selamat telah dikeluarkan kompoun berbagai kesalahan. Menubuhkan Jawatankuasa Pemandu Kualiti Air yang terdiri daripada Ahli Majlis, NAHRIM, Jabatan Pengairan & Saliran, Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, PBA, Think City serta jabatan dalaman MBSP. Jawatankuasa ini berperanan untuk menilai dan mencadangkan kaedah untuk meningkatkan kualiti air. MBSP akan memasang sensor kualiti air, inovasi NAHRIM dititik buangan air dari ladang. Percubaan akan dipasang disalah satu ladang di Kampong Selamat.

**Yang Amat berhormat, YB Dato', YB Ahli Parlimen, YB ADUN, YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

MBSP sentiasa ke hadapan dalam menyampaikan berita atau maklumat- maklumat berkaitan SOP-SOP atau garis panduan baru kepada rakyat terutama semasa Perintah Kawalan Pergerakan dan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan ini. Oleh itu, pada hari ini saya sekali lagi memohon YAB Tuan Chow Kon Yeow untuk melancarkan *Seberang Perai City Channel (SPCC)*. SPCC merupakan saluran media di bawah naungan MBSP yang dikelolakan oleh Unit Media MBSP yang baru ditubuhkan pada 1 Januari 2020. Saluran ini menggunakan medium *Youtube Channel* dan FB untuk memaparkan video-video berkenaan Seberang Perai yang disunting untuk dipaparkan kepada penduduk Seberang Perai. Memandangkan saluran Youtube ini digunakan oleh penduduk seluruh dunia, maka ianya boleh dijadikan peluang untuk membawa Seberang Perai ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Idea tercetusnya penggunaan saluran media sosial ini sebenarnya bermula sejak Malaysia diserang pandemik Covid-19 yang mana seluruh rakyat Malaysia telah dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac 2020 sehingga kini. Oleh itu, memandangkan dunia kini menuju ke arah *smart city* serta perhubungan beralih arah ke dunia digital, maka

tercetusnya idea untuk mewujudkan saluran Youtube Channel bernama *Seberang Perai City Channel (SPCC)* yang mewakili Seberang Perai untuk membawanya ke peringkat lebih tinggi.

**Yang Amat berhormat, YB Dato', YB Ahli Parlimen, YB ADUN, YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

MBSP sentiasa bergerak dalam satu pasukan dan akan sentiasa meletakkan kehendak warga Seberang Perai di hadapan. Dengan meletakkan Pendekatan 7Ps (***People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet dan Partnership***), saya yakin MBSP akan terus cemerlang bukan sahaja di dalam negara bahkan di arena antarabangsa.

Terima Kasih, Xie Xie, Nandri, Thank You

**Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan terima kasih.**